

Pertemuan penting Anwar, Hsien Loong

Malaysia dan Singapura dijangka mengesahkan komitmen dalam dua projek mega

Johor Bahru: Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong hari ini, menjadi peristiwa penting dalam hubungan dua hala apabila kedua-dua pemimpin mengesahkan komitmen mereka dalam dua projek mega.

Kedua-dua pemimpin akan mempunyai jadual yang sibuk hari ini kerana menghadiri dua majlis peringkat tinggi yang mempunyai kepentingan kepada kedua-dua negara.

Pada sebelah pagi, kedua-dua pemimpin dijadual melawat projek Sistem Transit Aliran (RTS LINK) di sini, dan diberikan taklimat mengenai maklumat terkini kemajuan projek bernilai ringgit itu.

Link RTS ialah projek laluan

kereta api ulang alik sepanjang kira-kira empat kilometer dengan dua stesen iaitu di Bukit Chagar, Johor Bahru dan satu lagi di Woodlands North, Singapura.

MRT Corp dipertanggungjawab untuk membangunkan bahagian Malaysia sepanjang 2.7 kilometer bagi rangkaian rel dan struktur yang diperlukan dan operasi itu akan dijalankan bersama-sama dengan Prasarana Malaysia Bhd serta SMRT Corp Ltd dari Singapura.

Selepas siap kelak, RTS Link akan menjadi jambatan darat ketiga ke Singapura dan dijangka dapat mengurangkan lagi kesesakan teruk yang sentiasa dialami di Tambak Johor.

Selain RTS, Anwar dan Hsien Loong kemudian menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) antara Malaysia dan Singapura.

Idea penubuhan zon itu kali pertama dicetuskan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli selepas pertemuan dengan Kerajaan Johor di Iskandar Puteri pada Mei tahun lalu dan dua bulan selepas itu, kedua-dua negara bersetuju mengorak langkah lebih jauh dengan menubuhkan pasukan pe-

tugas khas untuk mengkaji daya maju penubuhan zon ekonomi khas berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi mengalu-alukan idea itu dan menyatakan 'kejayaan' zon ekonomi itu boleh membawa kepada pengembangan pesat seperti bandar Shenzhen di China, yang berubah daripada sebuah bandar kecil berpenduduk kira-kira 300,000 orang kepada bandar raya metropolis antarabangsa berteknologi tinggi yang didiami lebih 17 juta orang selepas empat dekad.

Pada 2022, Johor dilaporkan menerima pelaburan asing bernilai RM70.6 bilion dalam pelbagai sektor.

Singapura yang juga pelabur asing kedua terbesar di Johor menyumbang kira-kira 70 peratus daripada jumlah pelaburan langsung asing (FDI) di negeri itu dalam sektor pembuatan.

Justeru, dengan adanya zon ekonomi baharu bukan saja akan mengukuhkan lagi aktiviti perdagangan dan perniagaan rentas sempadan antara Malaysia dan Singapura, tetapi juga bakal menjadi hab ekonomi menarik di rantau Asia.

BERNAMA



Anwar bersama Hsien Loong dijadual melawat projek pembinaan RTS Link yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura.